

VOLUME III
SERIES II
OCTOBER 2022

arte

Art and Expression

ART + COMMUNITY

EDUCATION



© Unit Penerbitan UiTM Perak, 2022

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, copied, stored in any retrieval system or transmitted in any form or by any means; electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise; without permission on writing from the director of Unit Penerbitan UiTM Perak, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, 32610 Seri Iskandar Perak, Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia

Cataloguing in Publication Data

No eISSN: 2805-5071

Cover Design: Nur Muhammad Amin Bin Hashim Amir
Typesetting : Syed Alwi Bin Syed Abu Bakar (Dr.)¹
Aznan Bin Omar (Dr.)²

E

Editorial Board

PATRON OF HONOR

Professor Sr Dr Md Yusof Hamid AMP
(Rector, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

ADVISOR

Dr Zainudin Md Nor
(Head of the Faculty, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

CHAIRMAN

Dr Aznan Omar¹
(Curator, Al-Biruni Galeri, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)
Dr Hamidi Hadi²
(Program Coordinator, Department of Fine Art, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

CHIEF EDITORS

Dr Syed Alwi Syed Abu Bakar¹
(Department of Fine Art, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)
Dr Aznan Omar²
(Curator, Al-Biruni Galeri, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

EDITORS

Dr Hamidi Hadi
Pn Noor A'yunni Muhamad
Pn Siti Humaini Said Ahmad @ Syed Ahmad
En Noor Enfendi Desa
Dr Azian Tahir
En Mahizan Hijaz Mohammad
Pn Nur Adibah Nadiyah Mohd Aripin
En Muhammad Salehuddin Zakaria
Pn Hairulnisak Merman
En Anwar Fikri Abdullah
En Nur Muhammad Amin Hashim Amir

SECRETARY

Pn Noor A'yunni Muhamad¹
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

Pn Siti Humaini Said Ahmad @ Syed Ahmad²
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

TREASURER

En Noor Enfendi Desa
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

CHIEF PANEL REVIEW

Dr Azian Tahir
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

CHIEF TRANSLATOR

En Mahizan Hijaz Mohammad
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

CHIEF OF DOCUMENTATION

Pn Nur Adibah Nadiyah Mohd Aripin
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

LEAD PROMOTER

En Muhammad Salehuddin Zakaria
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

CHIEF OF TECHNICAL

Pn Hairulnisak Merman¹
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

En Anwar Fikri Abdullah²
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

LEAD DESIGNER

En Nur Muhammad Amin Hashim Amir
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

COMMITTEE MEMBER

Cik Afina Zalifah Zat Azeni
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

RETORIK PENCERITAAN DALAM KARYA ZURINAH HASSAN MELALUI BUKU KUMPULAN PUISI CERITA DALAM CERITA (2014)

a chapter by

NOR FAZZIRA MOHD ZAMRI & ZAINATUL SHUHaida ABDUL RAHMAN



Abstrak

Esei ini adalah reflektif interpretasi puisi yang dilihat dari segi perspektif retorik penceritaan di dalam Kumpulan Puisi Cerita dalam Cerita (2014). Esei ini dilakukan kerana mendapati kelompongangan dalam retorik penceritaan yang kurang digunakan oleh penulis-penulis muda di Malaysia. Retorik penting dalam penulisan karya untuk menghasilkan sebuah karya yang mudah difahami. Esei ilmiah ini menggunakan Teori Retorik Moden oleh Enos dan Brown (1993).

Pengenalan

Retorik adalah sebuah seni bicara yang membantu seseorang untuk menyampaikan idea ataupun pandangannya mengenai sesuatu perkara kepada orang lain. Puisi-puisi di dalam karya Zurinah Hassan banyak menekankan kaedah penggunaan retorik di dalam penceritaan. Puisi yang digunakan untuk menganalisis retorik penceritaan adalah Kumpulan Puisi Cerita dalam Cerita (2014). Terdapat lima buah puisi yang dapat dianalisis daripada buku tersebut iaitu Penangis Upahan (2014), Gadget (2014), Sampah (2014), Pisau (2014), dan Orang Muda dengan Laut (2014).

Permasalahan Kajian

Puisi moden yang dihasilkan pada masa ini kurang menitikberatkan penerapan retorik penceritaan. Berbeza dengan puisi yang dihasilkan oleh Zurinah Hassan yang memasukkan hampir semua bahasa retorik dalam penulisan puisinya. Selain itu, tidak banyak analisa retorik yang dilakukan terhadap Kumpulan Puisi Cerita dalam Cerita (2014) Zurinah Hassan sedangkan pengkaryaan beliau banyak memasukkan unsur-unsur ini. Maka, puisi karya Zurinah Hassan wajar dianalisis dalam konteks retorik melalui Kumpulan

Puisi Cerita dalam Cerita (2014). Seterusnya, berdasarkan hasil kajian lepas, banyak pengkaji menganalisis karya-karya Zurinah Hassan hanya menyentuh tentang konsep alam dan kurang melakukan kajian terhadap bahasa retorik dalam puisi Zurinah Hassan. Maka, esei ini mendapati Kumpulan Puisi Cerita dalam Cerita (2014) banyak mengandungi retorik penceritaan dan amat penting dianalisa untuk dijadikan panduan penulis-penulis muda yang lain.

Objektif Kajian

Esei ini bertujuan untuk mengenal pasti retorik penceritaan dalam karya Kumpulan Puisi Cerita dalam Cerita (2014) Zurinah Hassan. Selain itu, esei ini turut menganalisis perbezaan pemilihan diksi dalam elemen retorik penceritaan dalam Kumpulan Puisi Cerita dalam Cerita (2014).

Tinjauan Literatur

Oktarina dalam Analisis Struktur Retorika Novel Titian Nabi Karya Muhammad Mansyur A.R Said (2021). Pengkaji menganggap karya novel merupakan satu luahan idea yang dikaryakan secara panjang lebar mengikut kronologi. Penulis menggunakan Teori Genetik Teks yang mempunyai empat pola retorik iaitu P-PP-R-K, O-PP-K, O-PP, dan O-PP-R. Lima unsur yang dapat membantu pengkaji untuk menganalisis karya iaitu abstrak, orientasi, perumitan peristiwa, resolusi, dan kod. Jurnal ini membantu esei ilmiah untuk membezakan penggunaan struktur retorik dalam setiap karya.

Nurulain Abdul Azhar dan Che Ibrahim Salleh (2016) dalam kajian Retorik Naratif dalam Novel Orang Kota Bharu. Pengkaji menggunakan novel Orang Kota Bharu kerana memiliki unsur sejarah tentang kehidupan yang dilalui oleh masyarakat

Kota Bharu. Pengkaji lebih tertumpu kepada gaya kepengarangan penulis novel S. Othman Kelantan. Pengkaji menggunakan Teori Retorik Moden yang dikeluarkan oleh Enos dan Brown (1993) yang menjadi persamaan dengan analisa yang dijalankan terhadap esei ini.

Rahmah Osman dan Mohd Shahrizal Nasir dalam kajian Unsur-unsur Retorik dalam Puisi Melayu Al-Amin Karya A. Samad Said (2013). Karya puisi yang digunakan oleh pengkaji menceritakan mengenai kehidupan yang dilalui oleh Rasulullah SAW. Pengkaji merungkai penggunaan retorik yang digunakan oleh A. Samad Said untuk menulis sebuah jalan hidup berdasarkan kronologi. Pengkaji turut menganalisis elemen gaya bahasa dan penggunaan unsur prosa dalam puisi moden.

Analisis Perbezaan Retorik Penceritaan

Bahagian Pengenalan

Penulisan yang dilakukan dalam setiap puisi Zurinah Hassan mempunyai cara yang berbeza. Perbezaan itu dapat dilihat melalui empat elemen retorik penceritaan iaitu pengenalan, perkembangan, klimaks, dan peleraian. Esei ini menganalisis kelainan dari segi penggunaan diksi dalam puisi Zurinah Hassan.

Puisi pertama iaitu *Penangis Upahan* (2014) yang menggunakan tema kemanusiaan. Permulaan puisi ini pada rangkap pertama menggunakan diksi “adat orang bermartabat” (Zurinah Hassan, 2014, m.s. 13). Adat bermakna petunjuk yang dibuat untuk memastikan sesebuah kelompok manusia itu berada di jalan yang benar mengikut kepercayaan mereka. Martabat bermakna orang yang memiliki pangkat dan maruah. Merujuk kosa kata dalam puisi, dapat dilihat bahawa orang bermartabat ini ditujukan kepada golongan kaya. Golongan yang memerlukan khidmat orang lain untuk menangi kematian yang terjadi kepada ahli keluarga mereka. Hal ini membuktikan bahawa Zurinah Hassan menggunakan pemilihan ayat yang tepat untuk memulakan kisahnya.

Puisi kedua iaitu *Gadget* (2014) pula dimulakan dengan kemunculan alatan elektronik pada zaman moden. Pemilihan diksi yang dilakukan oleh

penulis adalah “keajaiban tak terbayang” (Zurinah Hassan, 2014, m.s. 14). Keajaiban merupakan sebuah perkara yang tidak dapat dicapai oleh pemikiran manusia. Gadget dianggap sebagai sebuah perkara ajaib kerana dapat memudahkan kerja manusia. Kehadiran gadget seperti telefon pintar dianggap keajaiban yang mempunyai dua sisi positif dan negatif. Selain dapat memberikan banyak kemudahan, telefon juga memberi pengaruh yang buruk kepada manusia. Perkara ini membuktikan penulis seorang yang berfikiran luas.

Selain itu, pemilihan diksi pada bahagian pengenalan dalam puisi *Sampah* (2014) yang bertemakan alam ini menjelaskan mengenai sampah yang memenuhi kawasan persekitaran tempat tinggal manusia. Perkataan “Sampah menindih lorong” (Zurinah Hassan, 2014, m.s. 42) merujuk kepada kotoran yang dibuang oleh manusia ke dalam saluran pengaliran air. Hal ini menyebabkan berlakunya bencana alam seperti banjir kilat. Perkataan ini juga merujuk kepada perbuatan manusia yang tidak bertanggungjawab dengan membuang sampah merata-rata. Pemilihan kosa kata ini memainkan peranan penting untuk memudahkan pembaca mengetahui isu yang sedang diutarakan dalam puisi ini.

Puisi yang seterusnya adalah bertemakan keadilan yang terdapat dalam puisi *Pisau* (2014). Penulis menggunakan perkataan “Pisau menjadi pisau” (Zurinah Hassan, 2014, m.s. 81) yang merujuk kepada sifat pisau yang tidak berubah. Pisau selalu dikaitkan dengan perwatakan yang kejam kerana pisau dapat digunakan untuk menyakiti objek lain. Namun begitu, pisau banyak memberi kemudahan kepada manusia. Kegunaan pisau boleh berubah mengikut kehendak pengguna. Penulis menggunakan diksi pisau untuk menunjukkan bahawa pisau boleh menjadi lawan dan kawan kepada penggunanya.

Puisi yang terakhir iaitu *Orang Muda dengan Laut* (2014). Zurinah Hassan menggunakan pemilihan diksi “sebenarnya aku takut padamu laut” (Zurinah Hassan, 2014, m.s. 56) untuk menunjukkan kecemburuan manusia terhadap alam. Hal ini kerana umur alam lebih lama berbanding dengan manusia. Namun begitu, setiap makhluk ciptaan Allah akan mati

sekiranya Allah telah menetapkan waktunya (Zakaria Stapa, 2020). Rangkap permulaan ini menceritakan mengenai manusia yang takut dan juga kagum dengan kekuatan yang dimiliki oleh laut. Pengenalan ini ditulis untuk menyedarkan pemikiran pembaca yang sering kali terlupa mengenai kematian.

Bahagian Perkembangan

Bahagian perkembangan turut dikenali sebagai rising action. Pemilihan diksi dalam bahagian perkembangan dalam puisi *Penangis Upahan* (2014) adalah “Lalu datanglah penangis upahan” (Zurinah Hassan, 2014, m.s. 13). *Penangis* disini membawa maksud seseorang yang menangis kesedihan. Manakala perkataan *upahan* merupakan seseorang yang diupah untuk melakukan sesuatu pekerjaan. Perkataan ini dikatakan sebagai bahagian perkembangan kerana pada bahagian inilah watak utama diperkenalkan. Watak yang menggerakkan keseluruhan cerita dalam puisi *Penangis Upahan* (2014) karya Zurinah Hassan.

Selain itu, pemilihan diksi pada bahagian perkembangan puisi *Gadget* (2014). Kosakata yang dipilih iaitu “Penjara tanpa sempadan” (Zurinah Hassan, 2014, m.s. 14). *Penjara* merupakan sebuah tempat menyekat orang-orang daripada bebas bergerak keluar. *Sempadan* merupakan batas yang ada di antara satu kawasan dengan satu kawasan yang lain. Kedua-dua perkataan ini menunjukkan sebuah sekatan tetapi penulis dengan kreatifnya menggabungkannya. Ayat ini mengutarakan bahawa penggunaan gadget tidak memiliki sebarang batasan. Hal ini merujuk kepada manusia yang diberi kebebasan dalam menggunakan internet. Oleh itu, mereka perlu menggunakannya ke arah kebaikan.

Bahagian perkembangan dalam puisi ketiga iaitu *Sampah* (2014) dapat dilihat melalui perkataan “Sampah menghimpit longkang” (Zurinah Hassan, 2014, m.s. 42). *Sampah sarap* yang dibuang merata tempat dapat menyebabkan longkang tersumbat. Perbuatan ini sudah tentu dilakukan oleh individu-individu yang tidak bertanggungjawab. Oleh itu, penulis cuba mengaitkan perkataan sampah dengan sikap manusia yang suka membuang sampah ke merata

tempat. Penulis masih cuba untuk memberi gambaran bahawa sudah terlalu banyak sampah yang dihasilkan setiap hari sehingga dapat mengundang bencana.

Pemilihan diksi bahagian perkembangan dalam puisi *Pisau* (2014) dapat dilihat daripada perkataan “yang terhiris telah dilukai, yang berdarah belum tentu terluka” (Zurinah Hassan, 2014, m.s. 81). *Maszureen Hadzman* (2022), orang yang difitnah sukar untuk membuktikan kebenaran yang dialaminya. Hal ini kerana orang yang bersalah boleh memalsukan bukti. Manakala orang yang difitnah sukar untuk membuktikan bahawa mereka tidak bersalah.

Seterusnya, pemilihan diksi yang menggambarkan ketegangan pada bahagian perkembangan dalam puisi *Orang Muda dengan Laut* (2014). “Orang muda itu terus takut memandang laut” (Zurinah Hassan, 2014, m.s. 56), baris ini terus diulang-ulang daripada baris pertama hingga baris kedua. Penulis menggunakan gaya bahasa perulangan untuk menimbulkan kesan penegasan (Liliy Salwani Razali *et al.*, 2020). Zurinah Hassan ingin menegaskan bahawa watak orang muda itu benar-benar takut terhadap laut. Gaya bahasa perulangan ini juga dapat menimbulkan irama dalam rangkap puisi tersebut.

Bahagian Klimaks

Klimaks merupakan peringkat kemuncak dalam penulisan. Pemilihan diksi pada bahagian klimaks untuk menunjukkan peristiwa penting dalam sesebuah penceritaan. Puisi *Penangis Upahan* (2014) menggunakan perkataan “saya menangis mengenangkan kemiskinan” (Zurinah Hassan, 2014, m.s. 13). Pemilihan ayat ini menunjukkan bahawa watak *Penangis Upahan* itu menangis bukan semata-mata kerana menjalankan tugas. Watak itu menangis kerana mengingati dia seorang yang tidak memiliki harta. Bahagian ini dikatakan kemuncak kerana sifat watak mula didedahkan oleh penulis.

Selain itu, pemilihan diksi pada bahagian klimaks puisi *Gadget* (2014) adalah “dari gedung khayalan” (Zurinah Hassan, 2014, m.s. 14). *Gedung bermaksud* sebuah bangunan. Penulis lebih gemar menggunakan perkataan yang

mudah difahami tetapi jarang digunakan dalam percakapan harian. Gabungan antara perkataan gedung yang merupakan konkrit dengan khayalan yang merupakan abstrak telah membentuk gaya bahasa metafora. Metafora menyebabkan berlakunya penyimpangan makna iaitu menghasilkan sebuah perkataan yang memiliki makna tersirat (Husen Mulachela, 2022). Hal ini menunjukkan bahawa penulis tidak kekeringan idea untuk mengutarakan puisi menggunakan bahasa sastera dengan baik.

Puisi yang seterusnya adalah puisi *Sampah* (2014). Ayat “sedang mengambil masa untuk menunjukkan kuasa” (Zurinah Hassan, 2014, m.s. 42), ditujukan kepada watak Tukang Sapu. Watak ini diberikan kuasa untuk membersihkan sampah sarap yang terdapat di atas muka bumi. Penulis menggunakan perkataan kuasa untuk direfleksikan terhadap Tukang Sapu. Hal ini kerana tukang sapu mempunyai daya kekuatan untuk melakukan pekerjaannya.

Puisi *Pisau* (2014) turut memiliki kosa kata yang menunjukkan kepada bahagian klimaks iaitu “antara yang berpisau di tangan dan yang berdarah di badan” (Zurinah Hassan, 2014, m.s. 81). Ayat ini menggambarkan sebuah situasi yang di antara mangsa dengan pemangsa. Ayat tersirat digunakan untuk menimbulkan rasa ingin tahu dalam diri pembaca. Oleh itu, penulis sering kali memasukkan perkataan-perkataan yang mempunyai maksud yang mendalam. Hal ini adalah untuk merangsang daya pemikiran pembaca-pembaca puisi moden.

Pemilihan diksi bahagian klimaks dalam puisi yang seterusnya iaitu *Orang Muda dengan Laut* (2014). Perkataan “kau yang sebenarnya lupa” (Zurinah Hassan, 2014, m.s. 56) ditujukan kepada sikap manusia. Manusia telah diciptakan untuk memiliki sifat pelupa. Oleh itu, watak laut menjadi penasihat untuk menyedarkan manusia agar sentiasa menjadi orang yang bersyukur. Hal ini membantu manusia untuk tidak terleka dengan kenikmatan yang di perolehi di dunia ini.

Peleraian

Peleraian yang juga dikenali sebagai pengakhiran merupakan penyudahan kepada sesuatu perkara

yang telah dimulai. Puisi *Penangis Upahan* (2014) memiliki bahagian peleraian yang menggambarkan sebuah sindiran terhadap watak orang kaya. Perkataan “tidak mahu menangis lagi” (Zurinah Hassan, 2014, m.s. 13) merupakan luahan watak Penangis Upahan mengatakan bahawa dia tidak mahu menengisi kesusahan yang dialami. Dia menyindir watak orang kaya yang hidup mewah sehinggakan tidak tahu untuk bersedih. Siti Norsyahida dan Nor Azuwan Yaakob (2017), bahasa sindiran digunakan untuk mengelakkan berlakunya pertelingkahan antara dua pihak.

Selain itu, pengakhiran dalam *Gadget* (2014) merupakan sebuah harapan ibu terhadap teknologi yang dapat dilihat melalui ayat “Setelah tidak terlawan” (Zurinah Hassan, 2014, m.s. 14). Tidak terlawan juga bersinonim dengan kata tidak dapat ditandingi. Kekuasaan yang terdapat pada gadget dan internet sangat kuat. Penggunaan gadget dapat memberi pengaruh kepada pemikiran manusia terutama kanak-kanak (Aina’ Rasyidah Samsuddin & Hapsah Md Yusof, 2020). Gadget juga telah mempengaruhi watak ibu. Oleh itu, watak ibu berharap agar peralatan canggih ini dapat digunakan ke arah kebaikan sahaja. Walaupun watak ibu telah berjaya dibawa arus kelekakan terhadap penggunaan gadget, dia tetap menitipkan harapan agar penggunaan gadget boleh membawa kebaikan kepadanya.

Pemilihan diksi dalam puisi *Sampah* (2014) yang mengutarakan mengenai sindiran iaitu “tidak ada yang tahu berterima kasih” (Zurinah Hassan, 2014, m.s. 42). Sindiran yang ditujukan kepada manusia yang tidak bertanggungjawab membuang sampah merata tempat. Nilai berterima kasih merupakan ucapan kesyukuran yang diberikan kepada orang yang telah membantu orang lain. Berdasarkan puisi *Gadget* (2014), manusia yang tidak bertanggungjawab tidak mahu berterima kasih kepada watak Tukang Sapu yang telah membantu membersihkan alam sekitar. Perkara ini adalah untuk membuat pembaca berfikir akan baik dan buruknya tindakan mereka.

Pemilihan diksi “lebih sukar menegakkan keadilan” (Zurinah Hassan, 2014, m.s. 81) menjadikan pengakhiran kepada puisi *Pisau* (2014). Penulis mengutarakan bahawa kebenaran

itu penting untuk mewujudkan sebuah negara yang aman. Namun begitu, disebabkan oleh bicarabicara yang penuh kepalsuan menyebabkan kebenaran itu tertutupi. Oleh itu, manusia perlu menjaga penuturan mereka untuk mengelakkan berlakunya ketidakadilan.

Puisi yang terakhir adalah *Orang Muda dengan Laut* (2014). Pemilihan kosa kata yang menunjukkan bahagian peleraian adalah “jagat dan jasad adalah isyarat” (Zurinah Hassan, 2014, m.s. 57). Kesemua yang terdapat di dalam dunia ini merupakan sebuah petunjuk kepada manusia untuk mengenali Pencipta. Makhlik dicipta untuk membuktikan kebesaran Allah SWT. Mohd Shahrizal Nasir (2021), tidak ada makhlik yang dapat mencipta bulan dan bintang kerana makhlik tidak dianugerahi kekuasaan itu. Oleh itu, manusia perlu sentiasa mengagungkan Allah SWT setiap masa. Peleraian puisi ini lebih tertumpu dalam memberi nasihat kepada manusia.

Kesimpulan

Kesimpulannya, puisi Zurinah Hassan banyak menggunakan retorik penceritaan. Perbezaan yang terdapat dalam pemilihan diksi dalam setiap elemen retorik penceritaan membuktikan bahawa penulis seorang yang kreatif. Retorik penceritaan juga bukan sahaja boleh didapati dalam penulisan sastra yang lain seperti novel, hikayat dan cerpen tetapi turut terdapat dalam puisi moden. Esei ini mendapati bahawa analisis yang dilakukan telah menjawab kedua-dua persoalan kajian.

Rujukan

- Aina' Rasyidah Samsuddin, & Hapsah Md Yusof. (2020). Penggunaan gajet terhadap perkembangan kanakkanak prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanakkanak Kebangsaan*, 9, 113–126. <https://ejournal.upsi.edu.my/journal/JPAK>
- Husen Mulachela. (24 Januari 2022). Metafora adalah gaya bahasa kiasan, ini fungsi dan contohnya. *Katadata*. <https://katadata.co.id/intan/berita/61eed4da0e434/metafora-adalah-gaya-bahasa-kiasan-ini-fungsi-dan-contohnya>
- Liliy Salwani Razali, Shaiful Bahri, & Nik Rafidah. (2020). Kefungsian gaya bahasa perulangan dalam Puisi Lisan Melayu. *Jurnal Pertanika MAHAWANGSA*, 7(2), 20–36. <https://journalfbmk.upm.edu.my/ojs3/index.php/mahawangsa/article/view/495>
- Maszureen Hadzman. (13 Januari 2022). Sukar kesan individu dedah maklumat dalam media sosial. *Utusan Malaysia*. <https://www.utusan.com.my/terkini/2022/01/sukar-kesan-individu-dedah-maklumat-dalam-media-sosial/>
- Mohd Shahrizal Nasir. (1 November 2021). Bukti kekuasaan Allah. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/addin/2021/11/772578/bukti-kekuasaan-allah>
- Nurulain Abdul Razak, & Che Ibrahim Salleh. (2016). Retorik naratif dalam novel *Orang Kota Bharu*. *International Journal Of The Malay World And Civilisation*, 4(2), 13–22. <http://dx.doi.org/10.17576/iman-2016-0402-02>
- Oktarina. (2021). Analisis struktur retorika novel *Titian Nabi Karya Muhammad Mansyur A.R Said*. *Jurnal Multidisiplin Madani (MUDIMA)*, 1(3), 301–318. <https://doi.org/10.55927/mudima.v1i3.54>
- Rahmah Osman, & Mohd Shahrizal Nasir. (2013). Unsur-unsur retorik dalam puisi Melayu *Al-Amin karya A. Samad Said*. *Jurnal Usuluddin*, 37, 117–150. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUD/article/view/7463>
- Siti Norsyahida, & Nor Azuwan Yaakob. (2017). Jenis bahasa sindiran dalam ujaran vlog. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 7, 17–29. <https://doi.org/10.15282/ijleal.v7.511>
- Zakaria Stapa. (21 September 2020). Kematian: Janji yang sudah pasti. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/addin/2020/09/622711/kematian-janji-yang-sudah-pasti>
- Zurinah Hassan. (2014). *Kumpulan puisi cerita dalam puisi*. Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.

Surat kami : 700-KPK (PRP.UP.1/20/1)

Tarikh : 20 Januari 2023

Prof. Madya Dr. Nur Hisham Ibrahim
Rektor
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Perak



Tuan,

**PERMOHONAN KELULUSAN MEMUAT NAIK PENERBITAN UiTM CAWANGAN PERAK
MELALUI REPOSITORI INSTITUSI UiTM (IR)**

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pihak kami ingin memohon kelulusan tuan untuk mengimbas (*digitize*) dan memuat naik semua jenis penerbitan di bawah UiTM Cawangan Perak melalui Repositori Institusi UiTM, PTAR.

3. Tujuan permohonan ini adalah bagi membolehkan akses yang lebih meluas oleh pengguna perpustakaan terhadap semua maklumat yang terkandung di dalam penerbitan melalui laman Web PTAR UiTM Cawangan Perak.

Kelulusan daripada pihak tuan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

SITI BASRIYAH SHAIK BAHARUDIN
Timbalan Ketua Pustakawan

nar

Setuju.

27.1.2023

PROF. MADYA DR. NUR HISHAM IBRAHIM
REKTOR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN PERAK
KAMPUS SERI ISKANDAR